



IKLAN JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Pahang Darul Makmur) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN & GRED : PEMANDU KENDERAAN GRED H11

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
KEKOSONGAN	: 2 JAWATAN
TARAF JAWATAN	: KONTRAK (<i>CONTRACT FOR SERVICES</i>)
KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN	: RM 1,500.00

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia ;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Kelayakan Lantikan ke jawatan Pemandu Kenderaan Gred H11:
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)] (keutamaan kepada yang memiliki Lesen E dan H); dan
 - (iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B. Cara Memohon

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang MDM.PERJ.1Pind. 1/2005 yang boleh didapati di laman sesawang Majlis Daerah Maran iaitu www.mdmaran.gov.my untuk setiap satu (1) jawatan.

(b) Semua permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen-dokumen sokongan yang telah **DIAKUI SAH** seperti berikut:-

- i) Sekeping gambar berukuran passport;
- ii) Salinan Kad Pengenalan (depan dan belakang)
- iii) Salinan Sijil Kelahiran pemohon;
- iv) Salinan Kad Pengenalan ibu/bapa (sila sertakan sijil kematian sekiranya ibu/bapa telah meninggal dunia). Bagi calon dan ibu/bapa yang merupakan pemastautin di Negeri Pahang melebihi 10 tahun perlulah mengemukakan surat pengesahan pemastautin yang dikeluarkan oleh Penghulu Mukim;
- v) Salinan keputusan peperiksaan yang disyaratkan dalam iklan serta salinan sijil-sijil persekolahan;
- vi) Sijil-sijil lain yang berkenaan.

(c) Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 21, Bab 'A'.

(d) Borang permohonan yang dilengkapkan hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 22 cm x 32 cm dengan setem yang mencukupi. Disudut sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis Nama Jawatan yang dipohon.

C. Alamat Permohonan Dan Tarikh Tutup

Permohonan hendaklah sampai kepada:-

**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN,
MAJLIS DAERAH MARAN,
26500 MARAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.**

Sebelum atau pada 17 November 2023 (Jumaat)

D. Catatan Am

(i) Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:-

- a. Tidak lengkap;
- b. Tidak menggunakan Borang MDM.PERJ.1Pind.1/2005;
- c. Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan disahkan;
- d. Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak terang, tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan, tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat dan tidak ditandatangani akan ditolak; dan
- e. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan.

(ii) Pemohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 (enam) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.